 - (C) **Sewa Beli (Pinjaman Kenderaan):** Pinjaman/pembiayaan sewa beli individu minimum sebanyak RM300,000.00 dengan Bank dan/atau CIMB Islamic selama enam (6) bulan pertama dari tarikh permulaan CPM Pelanggan. Selepas itu, dari bulan ketujuh (ke-7) sehingga bulan kedua belas (12), jumlah agregat minimum sebanyak RM200,000.00 pada setiap masa didepositkan dalam mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau melabur di sebarang produk pelaburan [tidak termasuk “Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) Variable Priced Fund(s)”] Bank dan/atau CIMB Islamic di bawah akaun tunggal atau akaun bersama Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama. Pada tahun kedua CPM Pelanggan dan seterusnya, Pelanggan mesti mengekalkan deposit minimum dan/atau pelaburan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 2.1 (A).
 - (D) **"Program Penamaan Serantau":** Pelanggan-pelanggan yang dinamakan oleh Bank di bawah program (“Pelanggan Yang Dinamakan Serantau”), mestilah seorang pelanggan Bank dan/atau CIMB Islamic yang sedia ada dan dikehendaki mengekalkan jumlah agregat minimum sebanyak RM50,000.00 pada setiap masa di mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau melabur dalam mana-mana produk pelaburan (tidak termasuk “Amanah

Saham Nasional Berhad (ASNB) Variable Priced Fund(s)) Bank dan/atau CIMB Islamic di bawah akaun tunggal atau akaun bersama Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama. Pada tahun kedua CPM Pelanggan dan seterusnya, Pelanggan mesti mengekalkan deposit minimum dan/atau pelaburan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.1 (A).

- 2.2 Bank boleh memutuskan dari semasa ke semasa untuk menukar keperluan 'Baki Minimum' jumlah yang didepositkan atau dilaburkan oleh Pelanggan dan/atau amaun minimum pinjaman/pembiayaan/sewa beli individu seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.1 dan akan memberi notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan. Kegagalan untuk mengekalkan keperluan 'Baki Minimum' dalam Klausula 2.1 boleh mengakibatkan penamatan atau penggantungan perkhidmatan dan keistimewaan di bawah CPM apabila pihak Bank memberi notifikasi terdahulu selama empat belas (14) hari calendar.
- 2.3 Bank boleh dengan memberi notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar, pemindahan automatik Pelanggan kepada mana-mana segmen pelanggan lain secara automatik. Sekiranya Pelanggan adalah pindahan automatik ke segmen '*Prime Banking*', penggunaan perkhidmatan dan/atau keistimewaan Pelanggan di bawah '*Prime Banking*' (selepas pemindahan efektif) akan dianggap sebagai perjanjian Pelanggan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Bank yang mengawal '*Prime Banking*'. Terma-terma dan Syarat-syarat Bank yang mengawal '*Prime Banking*' adalah disediakan untuk Pelanggan dan boleh diakses secara dalam talian di laman web Bank di www.cimbbank.com.my.
- 2.4 Tertakluk kepada Klausula 3.3, Bank boleh mengikut budi bicaranya melanjutkan CPM Bank kepada maksimum satu (1) orang lain yang dinamakan oleh Pelanggan ("**Orang Yang Dinamakan**"), yang mestilah pemegang akaun deposit atau pelaburan bersama dengan Pelanggan. Status Orang Yang Dinamakan di bawah CPM tertakluk kepada Pelanggan yang mengekalkan deposit minimum dan/atau pelaburan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.1 (A).
- 2.5 Bank boleh dengan budi bicaranya melanjutkan CPM Bank kepada maksimum tiga (3) individu lain ("**Orang Yang Dinamakan Serantau**") yang dinamakan oleh Pelanggan Yang Dinamakan Serantau. Orang Yang Dinamakan Serantau ini mestilah pelanggan sedia ada Bank dan/atau CIMB Islamic yang memegang jumlah agregat minimum sebanyak RM50,000.00 pada setiap masa dalam mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau melabur di mana-mana produk pelaburan Bank dan/atau CIMB Islamic dari tarikh pencalonan untuk tempoh dua belas (12) bulan untuk melayakkan CPM selama dua belas (12) bulan ("**Tempoh Percubaan**").
- 2.6 Kegagalan Orang Yang Dinamakan Serantau (yang juga dianggap sebagai Pelanggan setelah diberikan CPM) untuk mengekalkan jumlah minimum yang diperlukan seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 2.5 semasa Tempoh Percubaan boleh menyebabkan penghentian, penamatan atau penggantungan CPM Orang Yang Dinamakan Serantau, apabila memberi notis bertulis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar kepada Orang Yang Dinamakan Serantau. Status Orang Yang Dinamakan Serantau di bawah CPM akan kekal selepas Tempoh Percubaan dengan syarat Orang Yang Dinamakan Serantau memenuhi kriteria baki kelayakan minimum yang dinyatakan di bawah Klausula 2.1. Bank menyimpan hak untuk menamatkan atau menangguhkan CPM atau memindahkan secara automatik Pelanggan dan Orang Yang Dinamakan Serantaunya mengikut Klausula 2.2.
- 2.7 Bank boleh dengan memberi notis bertulis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari calendar menukar, menambah, meminda atau mengubah kriteria bagi Orang Yang Dinamakan Serantau untuk memenuhi syarat untuk CPM Bank di bawah Program Penamaan Serantau dan/atau program CPM.

3. SEGMENT '*PRIVATE WEALTH*'

- 3.1 Bank menyimpan hak untuk menaik taraf Pelanggan CPM ke segmen '*Private Wealth*' Bank yang

menawarkan manfaat dan perkhidmatan tambahan kepada Pelanggan yang dimaklumkan oleh Bank. Manfaat-manfaat tambahan ini boleh ditukar, diubahsuai, digantung dan/atau ditamatkan oleh Bank dengan memberi notis selama empat belas (14) hari calendar kepada Pelanggan. Penaiktarafan kepada segmen '*Private Wealth*' hendaklah tertakluk kepada Pelanggan yang mengekalkan jumlah deposit agregat minimum dan/atau pelaburan sebanyak RM1,000,000.00 pada setiap masa yang didepositkan dalam mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau melabur dalam sebarang produk pelaburan (tidak termasuk '*Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) Variable Priced Fund(s)*') Bank dan/atau CIMB Islamic di bawah akaun tunggal atau akaun bersama Pelanggan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun utama.

- 3.2 Bank boleh dengan budi bicara mutlaknya melanjutkan CPM dengan status segmen '*Private Wealth*' untuk maksimum tiga (3) individu lain yang dinamakan oleh Pelanggan dengan status segmen '*Private Wealth*' ("**Orang Private Wealth Yang Dinamakan**"). Orang Private Wealth Yang Dinamakan hendaklah memegang sama ada akaun deposit atau akaun pelaburan bersama dengan Pelanggan dengan status segmen '*Private Wealth*'. Status Orang Private Wealth Yang Dinamakan di bawah CPM tertakluk kepada Pelanggan dengan status segmen '*Private Wealth*' yang mengekalkan deposit minimum dan/atau pelaburan RM1,000,000.00 pada setiap masa seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3.1.
- 3.3 Kegagalan Pelanggan untuk mengekalkan jumlah minimum yang dikehendaki oleh segmen '*Private Wealth*' Bank boleh menyebabkan penghentian, penamatan atau penggantungan Pelanggan dan status segmen '*Private Wealth*' Orang Private Wealth Yang Dinamakan Pelanggan dengan memberi notis bertulis terdahulu selama empat belas (14) hari calendar kepada Pelanggan dan Orang Private Wealth Yang Dinamakan. Pelanggan dan Orang Private Wealth Yang Dinamakan akan kekal sebagai ahli CIMB Preferred dengan syarat Baki Minimum seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.1 dikekalkan. Bank menyimpan hak untuk memindahkan secara automatik Pelanggan dan Orang Private Wealth Yang Dinamakannya mengikut Klausula 2.2.
- 3.4 Bank boleh menukar, menambah, meminda atau mengubah kriteria untuk memenuhi syarat untuk segmen '*Private Wealth*' Bank dan/atau keperluan 'Baki Minimum' jumlah yang dideposit atau dilaburkan untuk mengekalkan status segmen '*Private Wealth*' dengan memberi notis bertulis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari calendar kepada Pelanggan dan Orang Private Wealth Yang Dinamakan.

4. PERKHIDMATAN, MANFAAT DAN KEISTIMEWAAN CIMB PREFERRED ("CP")

- 4.1 Penggunaan Pelanggan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP yang ditawarkan di bawah CPM akan dianggap sebagai perjanjian Pelanggan untuk Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Pelanggan dapat menyemak senarai penuh dan lengkap perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CPM dan Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Preferred semasa di laman web Bank di www.cimbpreferred.com.my.

5. KOMUNIKASI ARAHAN

- 5.1 Pelanggan bersetuju secara nyata dan memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk bertindak atas arahan-arahan Pelanggan yang diberikan melalui pos yang mana Bank percaya ia dikeluarkan daripada Pelanggan tertakluk kepada Pelanggan memberi pampasan kepada Bank dalam bentuk dan kandungan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.
- 5.2 Pelanggan hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengelakkan penggunaan tanpa kebenaran dan penipuan terhadap PIN, kata laluan dan/atau lain-lain mekanisme keselamatan, kod-kod akses, ciri-ciri atau peranti lain yang berkaitan dengan mana-mana akaun Pelanggan yang dikekalkan dengan Bank ("**Kod Akses Keselamatan**"). Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Kod Akses Keselamatan tidak didedahkan atau ditunjukkan

kepada mana-mana orang lain dan Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk penggunaan Kod Akses Keselamatan.

6. PENAMATAN CPM, PERKHIDMATAN, MANFAAT DAN KEISTIMEWAAN CP

- 6.1 Bank menyimpan hak untuk memberi notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan untuk menamat, menyekat atau menggantung CPM Pelanggan dan Pelanggan dan/atau Orang Yang Dinamakan Preferred dan/atau Orang Yang Dinamakan Serantau dan/atau Orang Private Wealth Yang Dinamakan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP sekiranya Pelanggan gagal mengekalkan kriteria kelayakan Baki Minimum yang dinyatakan dalam Klausula 2.1 .
- 6.2 Penamatan CPM dan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan CP yang diberikan kepada Pelanggan dan/atau Orang Yang Dinamakan Preferred dan/atau Orang Yang Dinamakan Serantau dan/atau Orang Private Wealth Yang Dinamakan boleh juga disebabkan oleh yang berikut:
 - A. Pelanggan memberi notis bertulis kepada Bank untuk menamatkan CPM; atau
 - B. Pelanggan melanggar mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Preferred; atau
 - C. apabila berlaku kematian atau kurang siuman Pelanggan atau jika Pelanggan melakukan suatu tindakan muflis;
 - D. jika terdapat sebarang perubahan undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meneruskan CPM Pelanggan.
- 6.3 Bank juga menyimpan hak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa untuk menamat, membatalkan, meminda, mengubahsuai, menyemak semula, menyekat atau menggantung semua atau mana-mana perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP yang dijadikan tersedia atau akan dijadikan tersedia dengan memberi notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan.
- 6.4 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan atau pampasan bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan dan/atau Orang Yang Dinamakan dan/atau Orang Yang Dinamakan Serantau dan/atau Orang Private Wealth Yang Dinamakan sebagai hasil langsung atau tidak langsung dari tindakan penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, semakan, sekatan atau penggantungan CPM dan/atau semua atau mana-mana perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP dan/atau pemindahan automatik yang dirujuk dalam Klausula 2.3, melainkan yang sama adalah disebabkan oleh keingkaran sengaja atau kecuai melampau Bank. Tiada sebarang keadaan pun jua Bank akan bertanggungjawab terhadap sebarang ganti rugi teladan atau punitif, kerugian atau kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit dan/atau sekunder, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kehilangan keuntungan atau pendapatan atau simpanan, kerugian jangkaan, kerugian pergantungan, kerugian ekonomi tulen atau kerugian atau kerosakan yang serupa yang Pelanggan dan/atau Orang Yang Dinamakan dan/atau Orang Yang Dinamakan Serantau dan/atau Orang Private Wealth Yang Dinamakan yang mengalami disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan Bank, walaupun Bank telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerugian atau kerosakan sedemikian terlebih dahulu.
- 6.5 Apabila penamatan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP Pelanggan dan/atau Orang Yang Dinamakan dan/atau Orang Yang Dinamakan Serantau dan/atau Orang Private Wealth Yang Dinamakan, Bank mempunyai hak untuk mengenakan Pelanggan dan/atau Orang Yang Dinamakan dan/atau Orang Yang Dinamakan Serantau dan/atau Orang Private Wealth Yang Dinamakan levi, caj atau yuran berkenaan bagi kegagalan untuk menghentikan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan atau keistimewaan CP.
- 6.6 Penggunaan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP oleh Orang Yang Dinamakan dan/atau Orang Yang Dinamakan Serantau dan/atau Orang Private Wealth Yang Dinamakan akan ditamatkan secara automatik apabila penamatan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP yang diberikan kepada Pelanggan .

7. Pengeluaran Tunai Mesin Juruwang Automatik (ATM)

- 7.1 Pelanggan mempunyai pilihan untuk meningkatkan had pengeluaran ATM sehingga RM10,000.00 dan ini boleh dilakukan secara manual di mana-mana ATM Bank. Walau bagaimanapun, pemindahan pihak ketiga menggunakan Kad ATM akan dihadkan pada maksimum RM5,000.00 sehari.

8. Bahan pemasaran

- 8.1 Bank akan terus memaklumkan kepada Pelanggan mengenai tawaran pemasaran dan promosi terkini yang Bank putuskan sebagai berguna dan memberi manfaat kepada Pelanggan seperti peningkatan taraf produk atau perkhidmatan, peningkatan talian kredit dan manfaat lain yang mana Pelanggan berasa berharga dalam membantu mengurus akaunnya.
- 8.2 Pelanggan boleh memilih untuk tidak menerima bahan pemasaran dan promosi dengan menghubungi Pusat Panggilan CIMB Preferred di 1300 885 300 atau menulis kepada CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] di P.O. Box 10063, 50704 Kuala Lumpur, Malaysia. Pelanggan membenarkan sehingga lima (5) hari bekerja untuk Bank memproses dan mematuhi permintaan tersebut.
- 8.3 Sekiranya Pelanggan kemudiannya memilih untuk menerima bahan-bahan pemasaran dan promosi ini, Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan CIMB Preferred yang dinyatakan di atas dan Bank akan membantu Pelanggan dengan permintaan ini.

9. Penyata Gabungan

- 9.1 Sekiranya Pelanggan mempunyai lebih daripada satu akaun dengan alamat surat-menyurat yang sama, akaun-akaun tersebut akan digabungkan ke dalam satu penyata ("**Penyata Gabungan**").
- 9.2 Hanya akaun penyertaan di mana Pelanggan adalah pemegang akaun tunggal atau pemegang akaun bersama utama akan digabungkan ke Penyata Gabungan.
- 9.3 Penyata Gabungan akan dihantar secara bulanan melalui pos ke alamat surat-menyurat Pelanggan yang dikekalkan dalam rekod Bank. Sekiranya Pelanggan tidak ingin menerima salinan fizikal Penyata Gabungan dan ingin menerima yang sama melalui e-mel, Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan menghubungi Pusat Panggilan CIMB Preferred di 1300 885 300 atau menulis kepada CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] di P.O. Box 10063, 50704 Kuala Lumpur, Malaysia atau dengan melawat mana-mana cawangan Bank.

10. Perkhidmatan Makluman SMS

- 10.1 Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk menghantar sebarang maklumat akaun, kemaskini dan peringatan berhubung dengan akaun Pelanggan yang dikekalkan dengan Bank dan CIMB Islamic termasuk baki tertunggak, baki sedia ada, had overdraf, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan apa-apa kemaskini lain yang Bank dan CIMB Islamic sediakan dari semasa ke semasa melalui khidmat pesanan ringkas ("**Makluman SMS**") yang dihantar ke nombor mudah alih Pelanggan yang dikekalkan dalam rekod Bank atau CIMB Islamic.
- 10.2 Maklumat, kemaskini dan peringatan yang dihantar melalui Makluman SMS tidak akan dianggap sebagai rekod muktamad, konklusif dan terikat dan tidak boleh menjadi rekod Bank atau CIMB Islamic untuk akaun yang mana berkaitan apabila ia menunjukkan bahawa perkara

yang sama mengandungi kesilapan nyata atau kesalahan yang berada di luar kawalan munasabah Bank atau CIMB Islamic.

- 10.3 Bagi keselamatan Pelanggan sendiri, Bank boleh menggantung Makluman SMS dengan serta-merta dan memaklumkan Pelanggan secepat mungkin sekiranya Bank mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa Pelanggan tidak menerima Makluman SMS atau orang lain yang menerima Makluman SMS.
- 10.4 Ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk memaklum Bank segera jika telefon mudah alih Pelanggan telah hilang atau dicuri, secara bertulis atau dengan melawat mana-mana cawangan Bank. Setelah notifikasi tersebut, Makluman SMS akan digantung dengan segera sehingga Bank menerima notifikasi bertulis Pelanggan berkenaan dengan nombor mudah alih baru Pelanggan.
- 10.5 Makluman SMS akan terus dihantar ke nombor mudah alih Pelanggan melalui rangkaian telefon asing jika Pelanggan menggunakan nombor mudah alih di luar negara. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab dalam apa jua cara sekiranya maklumat rahsia Pelanggan dibocorkan atau didedahkan kepada mana-mana orang melalui pengendali rangkaian pihak ketiga melainkan perkara yang sama disebabkan oleh keingkaran sengaja atau kecuaiian melampau Bank.

11. Arahan Telekomunikasi

- 11.1 Bagi memastikan bahawa Bank menjalankan arahan-arahan dengan tepat, semua panggilan telefon antara Pusat Panggilan CIMB Preferred / pegawai Bank dan Pelanggan direkodkan. Bank juga boleh memantau panggilan-panggilan bagi tujuan meningkatkan mutu perkhidmatannya.
- 11.2 Atas permintaan oleh Pelanggan, Pusat Panggilan CIMB Preferred / pegawai Bank diberi kuasa untuk memberi maklumat yang berkaitan dengan akaun Pelanggan, kadar pertukaran atau kadar faedah melalui telefon, telex atau faksimile. Maklumat / kadar sedemikian jika diberikan melalui telefon, tidak akan mengikat Bank melainkan kemudiannya disahkan secara bertulis oleh Bank.
- 11.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk bergantung dan bertindak dengan sewajarnya atas arahan yang diterima oleh Pusat Panggilan CIMB Preferred / pegawai Bank daripada Pelanggan melalui telefon, telefon mudah alih (termasuk SMS atau Perkhidmatan Pesanan Multimedia yang dihantar dari telefon mudah alih Pelanggan dalam rekod Bank), aplikasi perbankan mobil, telex, faksimile, e-mel atau kaedah-kaedah telekomunikasi lain (secara kolektifnya dikenali sebagai "**Arahan Telekomunikasi**") selepas mengambil langkah yang munasabah untuk mengesahkan identiti Pelanggan. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan dan/atau mana-mana orang untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan dan/atau mana-mana orang sekiranya Arahan Telekomunikasi tersebut sebenarnya berasal daripada individu yang tidak diberi kuasa melainkan perkara yang sama adalah disebabkan oleh keingkaran sengaja atau kecuaiian melampau Bank.
- 11.4 Bank boleh (tetapi tidak wajib untuk) bertindak atas Arahan Telekomunikasi dan boleh menganggap perkara yang sama seperti diberikan kuasa sepenuhnya oleh dan mengikat Pelanggan selagi Pusat Panggilan CIMB Preferred / pegawai Bank yang berkenaan percaya Arahan Telekomunikasi adalah tulen pada masa ia diberikan .
- 11.5 Bank boleh (tetapi tidak wajib untuk) mengesahkan Arahan Telekomunikasi dengan pengenalanpastian T-pin dan apa-apa kod pengenalanpastian atau pertanyaan lain sebagaimana Bank boleh dari semasa ke semasa tentukan dan Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap mana-mana penyalahgunaan T-pin atau kod pengenalanpastian.
- 11.6 Pelanggan memperakui untuk memastikan Bank dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja, ejen-ejen dan wakil-wakilnya ("**Wakil Bank**") membayar ganti rugi terhadap semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, ganti rugi, (sama ada secara langsung atau

tidak langsung), kerugian (termasuk kerugian berbangkit), kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank dan/atau Wakil Bank yang timbul daripada apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan berkenaan dengan mana-mana arahan yang diberikan oleh Pelanggan dan/atau diterima melalui Arahan Telekomunikasi, melainkan perkara yang sama disebabkan oleh keingkarannya sengaja atau kecuaiannya melampau Bank.

- 11.7 Bank tidak bertanggungjawab untuk menerima dan bertindak terhadap Arahan Telekomunikasi untuk:
- menukar mandat akaun;
 - menukar tandatangan yang diberi kuasa;
 - memberi Surat Kuasa Wakil kepada orang/entiti lain;
 - menutup akaun Pelanggan dan memindahkan baki tertinggal daripada akaun Pelanggan; atau
 - memindahkan dana dan/atau melaksanakan sebarang transaksi kewangan melebihi had harian maksimum yang dibenarkan oleh Bank dan disampaikan kepada Pelanggan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 11.8 Bank boleh memperkenalkan langkah keselamatan selanjutnya untuk memastikan sejauh mana Arahan Telekomunikasi telah diberi kuasa oleh Pelanggan.
- 11.9 Pemegang akaun bersama mana-mana akaun Pelanggan dengan Bank dan/atau CIMB Islamic tidak diberi kuasa untuk melaksanakan Arahan Telekomunikasi dan/atau pertanyaan berhubung dengan CPM melalui Pusat Panggilan CIMB Preferred. Arahan Telekomunikasi tidak dibenarkan untuk pemegang akaun bersama dengan mandat operasi "dan".

12. Mata Bonus

- 12.1 Tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat, Pelanggan berhak memperolehi mata bonus ("**Mata Bonus**") daripada pembelian pra-ditentukan atau transaksi yang dipilih dan aktiviti Pelanggan ("**barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan**") seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan dan Mata Bonus yang diperolehi boleh disemak di laman web Bank di www.cimbpreferred.com.my
- 12.2 Bank boleh memberi notis terdahulu yang mencukupi kepada Pelanggan:
- (i) menentukan, mengubah, meminda, menggantung dan/atau menarik balik senarai barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan atau mana-mana bahagiannya;
 - (ii) menentukan, mengubah, menggantung dan/atau meminda Mata Bonus untuk dianugerahkan kepada mana-mana barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan yang dibeli oleh Pelanggan.
- 12.3 Mata Bonus hanya akan dikira dan dianugerahkan jika Pelanggan adalah pemegang akaun utama/pemohon utama bagi barangan, produk dan/atau perkhidmatan penyertaan yang dibeli di bawah nama bersama.
- 12.4 Tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Mata Bonus hanya akan dianugerahkan berkaitan dengan transaksi yang dilakukan oleh Pelanggan dari tarikh Bank memaklumkan kepada Pelanggan secara bertulis mengenai CPMnya.
- 12.5 Mata Bonus akan dibundarkan ke angka terdekat. Contohnya, untuk transaksi yang layak untuk dianugerahkan Mata Bonus antara 1.0 hingga 1.9, satu (1) Mata Bonus akan dianugerahkan.
- 12.6 Mata Bonus yang diperolehi akan dianugerahkan secara bulanan kepada Pelanggan, dengan syarat bahawa pada tarikh penghargaan, Pelanggan tidak melanggar sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

- 12.7 Kelayakan Pelanggan untuk menggunakan atau menikmati Mata Bonus yang dianugerahkan akan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Program Ganjaran Ahli yang boleh disemak di laman web Bank di www.cimbpreferred.com.my dan dengan syarat bahawa Mata Bonus adalah sah dan ianya belum tamat tempoh atau ditamatkan oleh Bank.
- 12.8 Melainkan dinyatakan sebaliknya atau dipersetujui oleh Bank, Mata Bonus tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak lain, ditebus atau ditukar dengan Bank untuk wang tunai atau untuk apa-apa barangan, produk atau perkhidmatan lain.
- 12.9 Butir-butir Mata Bonus yang diperoleh dapat disemak oleh Pelanggan melalui CIMB Clicks, penyata bulanan Bank dan/atau Penyata Gabungan.
- 12.10 Pelanggan dikehendaki menyemak transaksi Mata Bonus dan memaklumkan Bank mengenai sebarang pertikaian yang berkaitan dengan kesilapan, percanggahan, perhitungan yang salah, rekod tidak betul, entri yang salah atau sebarang pertikaian lain yang berkaitan dengan Mata Bonus dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh pengeposan penyata dalam talian melalui CIMB Clicks dan/atau tarikh penerimaan penyata bulanan Bank dan/atau penyata Gabungan bulanan Bank, sekiranya gagal, Pelanggan dianggap telah menerima entri Mata Bonus secara konklusif dalam penyata yang disediakan dalam talian melalui CIMB Clicks dan/atau seperti yang terkandung di dalam penyata bulanan Bank dan/atau penyata Gabungan Preferred bulanan Bank dianggap sebagai benar dan betul dan dianggap tidak mempunyai sebarang kesilapan atau ketidaktepatan yang diperbetulkan..
- 12.11 Mata Bonus yang dianugerahkan oleh Bank hanya boleh ditebus oleh Pelanggan untuk barangan, produk atau perkhidmatan yang ditetapkan Bank dalam Katalog Ganjaran Ahli mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat Program Ganjaran Ahli. Katalog Ganjaran Ahli boleh disemak di laman web Bank di www.cimbpreferred.com.my.

13. Klausu Privasi

- 13.1 Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my atau www.cimbislamic.com) dan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, sebagaimana yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut dianggap telah digabungkan dengan merujuk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 13.2 Sekiranya Pelanggan membekalkan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan dengan keluarga terdekat dan tanggungan Pelanggan ("**pihak ketiga**"), untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pelanggan dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan dengan ini (a) mengesahkan bahawa Pelanggan telah memperoleh persetujuan daripada pihak ketiga atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga adalah tepat; (c) bersetuju untuk mengemaskini Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan penting kepada maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan CPM dan/atau perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP apabila notifikasi terdahulu diberikan kepada Pelanggan sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga.
- 13.3 Di mana Pelanggan mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis transaksi merentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butir-butir yang berkaitan dengan transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan tugas sah mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dengan

mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk memasuki sebarang transaksi merentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan tersebut di atas bagi pihak Pelanggan dan pihak lain yang terlibat dalam transaksi merentas sempadan tersebut.

- 13.4 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa pada masa kini dan/atau pada masa akan datang menjalankan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pelaporan/rujukan kredit semakan dengan agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau dari mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank untuk memastikan status Pelanggan yang diperlukan untuk membantu membuat keputusan sebagai contoh apabila Bank perlu (a) menyemak butir-butir mengenai permohonan untuk kredit dan yang berkaitan dengan kredit atau kemudahan lain; (b) menguruskan kredit dan akaun atau kemudahan yang berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan kajian terhadap portfolio Pelanggan; (c) memulihkan hutang; dan/atau sebarang tujuan yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan akaun/kemudahan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Pelanggan akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang Pelanggan guna atau telah gunakan dan mana-mana pemohon secara bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat mengenai Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan Pelanggan dengan agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkaitan dan untuk mana-mana agensi pelaporan/rujukan kredit untuk mendedahkan maklumat kredit anda kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.
- 13.5 Meskipun selepas Pelanggan telah memberikan Bank dengan sebarang maklumat, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelumnya. Dalam keadaan sedemikian, Bank mempunyai hak untuk tidak memberi atau menghentikan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan maklumat tersebut sekurang-kurangnya 3 hari bekerja notis terdahulu secara bertulis kepada Pelanggan.
- 13.6 Bagi tujuan klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat berkaitannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat yang dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan lain-lain perkhidmatan yang dikawal selia, tidak termasuk syarikat, cawangan-cawangan, pejabat-pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.
- 13.7 Klausa ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang klausa lain dalam terma-terma dan syarat-syarat berkaitan dengan akaun deposit dan/atau akaun pelaburan/produk dan/atau perjanjian lain Pelanggan dengan Bank dan/atau CIMB Islamic yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

14. NOTIS PENTING

- 14.1 Bank adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubahsuai, mengubah, memadam, menambah atau meminda mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada menambah, mengubahsuai, mengubah atau menentukan terma-terma dan syarat-syarat lanjut berhubung dengan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan yang ditawarkan kepada Pelanggan ("**Pindaan**"), dengan memberi notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
- 14.2 Notifikasi kepada Pelanggan berkenaan dengan sebarang Pindaan dengan melalui salah satu kaedah komunikasi berikut:
- (i) pengumuman di laman web Bank; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan Bank; dan/atau
 - (iii) iklan di dalam satu surat akhbar pilihan CIMB Bank; dan/atau
 - (iv) notis kepada alamat surat-menyurat terakhir Pelanggan; dan/atau

- (v) mel elektronik ke alamat e-mel Pelanggan atau dengan lain-lain cara komunikasi serta-merta yang dipilih oleh Bank, contohnya: perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), Whatsapp dan mel suara.

Peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh didapatkan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan atas permintaan. Pindaan tersebut disifatkan sebagai terikat Pelanggan dari tarikh yang ditentukan oleh Bank dalam notifikasi tersebut. Pelanggan bersetuju untuk mengakses laman web Bank di www.cimbpreferred.com.my pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Preferred dan memastikan bahawa mereka sentiasa dikemaskini dengan sebarang perubahan pada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

- 14.3 Pelanggan mengakui bahawa CPM adalah peribadi dan tidak boleh dipindah milik.
- 14.4 Semua penyata akaun, notis-notis atau mana-mana komunikasi lain yang dihantar melalui pos kepada Pelanggan di alamat surat-menyurat terakhir Pelanggan yang dinyatakan dalam rekod Bank hendaklah dianggap telah diterima oleh Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari pengeposan.
- 14.5 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan oleh Pelanggan penyata akaun dari Bank tentang sebarang peninggalan, entri yang tidak betul, kesalahan debit, kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan apa jua bentuk dalam penyata akaun, sekiranya gagal, Pelanggan dianggap telah menerima entri secara konklusif dan sehingga tarikh kemasukan terakhir dalam penyata akaun sebagai benar dan betul dan dianggap tidak mempunyai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan yang diperbetulkan..
- 14.6 Masa hendaklah menjadi intipati tetapi kegagalan Bank dalam menjalankan atau menangguhkan dalam melaksanakan atau menguatkuasakan haknya atau remedi terhadap Pelanggan tidak akan beroperasi sebagai suatu penepian begitu juga dengan apa-apa pelaksanaan sebahagian daripada mana-mana hak atau prejudis remedi atau mempengaruhi hak Bank untuk kemudiannya bertindak tegas selaras dengan hak atau remedinya.
- 14.7 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kecederaan, kesulitan atau kemaluan yang dialami oleh Pelanggan, Orang Yang Dinamakan dan/atau Orang Yang Dinamakan Serantau dan/atau Orang Private Wealth Yang Dinamakan disebabkan oleh kelewatan dalam prestasi atau tidak memenuhi prestasi kewajipan Bank yang di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada komputer, elektronik, elektrik, kegagalan sistem, kepincangan, gangguan atau kerosakan untuk sebarang tempoh masa.
- 14.8 Ketidaksahan, ketidaksahihan atau ketidakboleh kuatkuasakan oleh mana-mana peruntukan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan atau kebolehuatkuasaan mana-mana peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
- 14.9 Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah pada setiap masa dan dari semasa ke semasa tertakluk kepada, ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan yang mana Bank adalah subjek. Pelanggan mengemukakan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 14.10 Hak dan kelayakan Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah terus berkuatkuasa dan dilaksanakan dan akan terus bertahan dalam sebarang penamatan atau penggantungan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP oleh Bank.
- 14.11 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan terus menjadi sah dan mengikat walaupun apa-apa pemindahan atau penyerahan hak perniagaan, operasi-operasi, asset-aset atau liability-liabiliti Bank atau apa-apa perubahan dalam Bank atau mana-mana syarikat yang mana perniagaan Bank dijalankan buat masa ini.

- 14.12 Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak menjejaskan apa-apa susunan tertentu berkenaan dengan penggunaan perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP pada masa kini atau selepas ini wujud antara Bank dan Pelanggan atau apa-apa terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam mana-mana surat atau notis yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa.
- 14.13 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan terus menjadi sah dan mengikat walaupun kematian Pelanggan dan hendaklah mengikat pewaris, wakil diri dan pengganti Bank dan Pelanggan masing-masing. Hak dan kewajiban Pelanggan di bawah CPM dan/atau Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak boleh diserahkan atas apa-apa jua sebab.
- 14.14 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan menggantikan semua terma-terma dan syarat-syarat, perjanjian atau pengaturan sebelumnya, jika ada, dibuat antara Bank dengan Pelanggan, sama ada secara bertulis atau lisan berkenaan dengan CPM dan/atau perkhidmatan, manfaat dan/atau keistimewaan CP.
- 14.15 Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal operasinya, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berhubung dengan dan/atau yang timbul di bawah akaun deposit dan/atau pelaburan Pelanggan yang dikekalkan dengan Bank.
- 14.16 Di mana konteks mengizinkan, perkataan yang memaksudkan bilangan tunggal hendaklah termasuk bilangan jamak dan sebaliknya, perkataan yang bermaksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan serta neutral dan sebaliknya.
- 14.17 Bagi aduan-aduan yang berkaitan dengan CPM, Pelanggan boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank di alamat, telefon dan e-mel berikut (atau alamat, telefon dan e-mel lain yang boleh diubah oleh Bank melalui notifikasi kepada Pelanggan):
- Alamat : Unit Resolusi Pelanggan,
P.O. Box 10338
GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603 6204 7788
Alamat E-mel : cru@cimb.com
- 14.18 Bagi sebarang pertanyaan, sila kunjungi mana-mana cawangan Bank seluruh negara atau hubungi Pusat Panggilan CIMB Preferred di 1300 885 300/ +603 2295 6888 atau e-mel cimbpreferred.callcentre@cimb.